

669
NO SOALAN :325

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN NG WEI AIK
(TANJONG)**
PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN NG WEI AIK [TANJONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha-usaha akan diambil oleh Bank Negara untuk memastikan bank-bank swasta dapat meningkatkan kadar kelulusan bagi pinjaman perumahan, khususnya bagi pembeli-pembeli rumah kos rendah, sederhana rendah dan mampu milik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembeli-pembeli rumah yang layak tetap akan mendapat akses kepada pembiayaan perumahan daripada institusi kewangan. Pada tahun 2017, sebanyak RM161 bilion pembiayaan perumahan telah diluluskan kepada lebih daripada 375,000 peminjam. 61% daripada peminjam tersebut ialah pembeli

rumah mampu milik yang berharga di bawah RM500,000 dan daripada jumlah tersebut (lebih 227,000 pembeli rumah mampu milik yang berharga di bawah RM500,000), 72% merupakan pembeli rumah kali pertama.

Dalam usaha membantu rakyat mendapat kemudahan kewangan bagi pembelian rumah kediaman, pihak Kerajaan dengan sokongan Bank Negara Malaysia (BNM) dan juga institusi perbankan telah melancarkan beberapa skim pinjaman rumah semenjak tahun 2011 seperti yang berikut :

i) Skim Rumah Pertamaku

- Skim ini telah dilancarkan pada tahun 2011 bagi membantu golongan muda yang baru bekerja dan berpendapatan tidak lebih daripada RM5,000 sebulan, atau pasangan suami isteri yang berpendapatan tidak lebih daripada RM10,000 sebulan, untuk memiliki rumah pertama;
- Pembiayaan adalah sehingga 100% bagi pembelian rumah pertama yang bernilai RM220,000 ke bawah (bagi permohonan secara individu) atau RM500,000 ke bawah (bagi permohonan suami dan isteri); dan
- Permohonan untuk pembiayaan di bawah skim ini boleh

dibuat di cawangan 22 institusi perbankan di seluruh negara.

ii) Skim Perumahan Belia

- Skim ini telah dilancarkan pada Oktober 2015 untuk membantu pasangan suami isteri yang berumur 25 sehingga 40 tahun dan berpendapatan tidak lebih daripada RM10,000 sebulan untuk memiliki rumah pertama;
- Pembiayaan adalah sehingga 100% bagi pembelian rumah pertama yang bernilai RM500,000 ke bawah; dan
- Permohonan untuk pembiayaan di bawah skim ini boleh dibuat melalui mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional.

iii) Skim Pembayaran Deposit Rumah Pertama (MyDeposit)

- Skim ini dilancarkan pada April 2016 dan bertujuan membantu golongan berpendapatan RM3,000 sehingga RM10,000 sebulan membiayai kos deposit rumah pertama mereka sebanyak 10% daripada harga jualan atau maksimum RM30,000 untuk pembelian rumah yang bernilai RM500,000 ke bawah; dan

- Permohonan pembiayaan di bawah skim ini boleh dibuat secara dalam talian (*online*) melalui laman web Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

iv) Skim SPEF pembeli rumah PR1MA

- Skim pembiayaan akhir khas, dikenali sebagai Skim Pembiayaan Fleksibel (SPEF) telah diperkenalkan pada Februari 2017 khusus untuk pembeli kediaman PR1MA, yang ditawarkan kepada rakyat yang berpendapatan isi rumah purata bulanan antara RM2,500 hingga RM15,000. Asas SPEF ialah pembiayaan “*step-up*” yang mana bayaran balik adalah lebih rendah dalam tempoh 5 tahun pertama untuk mengambil kira peningkatan pendapatan peminjam dari semasa ke semasa; dan
- Permohonan untuk pembiayaan di bawah skim ini boleh dibuat di cawangan empat (4) institusi perbankan iaitu AmBank, CIMB Bank, Maybank dan RHB Bank.

Sehubungan itu, pembeli rumah pertama yang layak dan memerlukan pinjaman perumahan boleh berdaftar dengan institusi perbankan

yang mengambil bahagian bagi menyertai program-program tersebut.